



ABDUL WAHID OMAR



ALI HAMSA



ABDUL RAHMAN AHMAD



MOHD IRWAN SIREGAR ABDULLAH



WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH



ZARINAH ANWAR



AWANG ADEK HUSSIN



MOHD YAAKUB JOHARI

Zarinah, Awang Adek dilantik Ahli Lembaga Pengarah baharu PNB

KUALA LUMPUR 2 Jan. - Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pelantikan ahli lembaga pengarah yang baharu iaitu Tan Sri Zarinah Anwar, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, Datuk Dr. Mohd Yaakub Johari dan Soedirman Aini, bagi menggantikan ahli lembaga sebelum ini yang bersara wajib pada 31 Disember lalu.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar dalam satu kenyataan berkata, pelantikan itu dibuat bagi menggantikan Tan Sri Bujang Mohammed Bujang Mohammed Nor, Tan Sri Asmat Kamaluddin dan Tan Sri Ainum Mohamed Saaid. "Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan pelantikan ahli lembaga pengarah baharu. Pengalaman luas mereka dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, kewangan dan pelaburan akan memberi sumbangan besar ke arah kejayaan berterusan PNB, yang mana asasnya telah diperkukuhkan oleh Ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNBS yang terdahulu.

"Saya yakin kehadiran mereka akan merangsang PNB dalam mencapai wawasan kami untuk menjadi buah Svarikat Pelaburan Distink-



NOOR AZLAN GHAZALI



NIK NORZRUL THANI

tif Bertaraf Dunia," katanya.

PNB juga dalam masa sama turut mengumumkan pelantikan Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Datuk Dr. Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani dan Datuk Dr. Nik Ramlah Mahmood sebagai Ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBS) yang baharu.

Mereka menggantikan ahli lembaga pengarah sebelumnya iaitu Tan Sri Md. Desa Pachi, Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin dan Tan Sri Ainum Mohamed Saaid yang turut bersara pada 31 Disember lalu.

Pelantikan baharu ini berkuat kuasa sebaik sahaja selesai pemprosesan segala dokumen berkaitan yang berkenaan.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

ASNBS

TAN SRI ABDUL WAHID OMAR
(Pengerusi Kumpulan PNB)

DATUK ABDUL RAHMAN AHMAD
(Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB)

MOHAMMAD HUSSIN
(Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNBS)

PROFESOR DATUK DR. NOOR AZLAN GHAZALI

DATUK DR. NIK NORZRUL THANI NIK HASSAN THANI

DATUK DR. NIK RAMLAH MAHMOOD

Dalam masa sama, Abdul Wahid turut merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli lembaga pengarah yang terdahulu di atas dedikasi dan sumbangan mereka terhadap pertumbuhan Kumpulan PNB yang membanggakan sehingga kini.

"Setiap seorang daripada me-

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

PNB

TAN SRI ABDUL WAHID OMAR
(Pengerusi Kumpulan PNB)

DATUK ABDUL RAHMAN AHMAD
(Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB)

TAN SRI DR. ALI HAMSA
(Ketua Setiausaha Negara)

TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH
(Ketua Setiausaha Perbendaharaan)

TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

TAN SRI ZARINAH ANWAR
DATUK DR. AWANG ADEK HUSSIN

DATUK DR. MOHD YAAKUB JOHARI

SOEDIRMAN AINI

reka telah berkhidmat dengan Kumpulan PNB lebih dari 10 tahun kecuali Ainum Mohamed Saaid. Tanpa pengorbanan dan kebijaksanaan mereka selama ini, PNB tidak akan berada pada kedudukan yang teguh seperti hari ini," katanya.